



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI  
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**KEMASUKAN PELAJAR SECARA FIZIKAL KE KAMPUS  
BAGI SEMESTER II, SESI AKADEMIK 2021/2022**

1. Bagi pelajar yang telah kembali ke kampus secara fizikal dan menginap di Residen Pelajar pada Semester I, 2021/2022 akan **dibenarkan terus** berada di Residen Pelajar untuk Semester II, 2021/2022 kecuali bagi pelajar yang akan bergraduat pada Semester I, 2021/2022 atau menjalani Latihan Industri pada Semester II, 2021/2022 nanti. Tarikh kemasukan pelajar ke kampus adalah pada **4, 5 dan 6 Mac 2022**.
2. Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) juga telah bersetuju untuk membenarkan penambahan kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus bagi Semester II, Sesi Akademik 2021/2022 seperti kategori berikut:-

Kategori Pelajar	Kod Program	Tarikh Kemasukan
i. <b>Pelajar Tahun 2 (Sarjana Muda)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Fakulti Komputeran</li> </ul>	BCN	<b>3 Mac 2022 (Khamis)</b> (8.30 pagi – 12.00 tengahari) dan (2.30 petang - 4.30 petang)
ii. <b>Pelajar Tahun 3 (Sarjana Muda)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik</li> <li>▪ Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses</li> <li>▪ Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik</li> <li>▪ Fakulti Komputeran</li> <li>▪ Fakulti Sains dan Teknologi Industri</li> </ul>	BTE, BTW, BTS  BTF, BTK, BTO  BTM  BCN, BCG, BCS  BSK	
iii. <b>Pelajar Tahun 1 (Sarjana Muda Teknologi)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik</li> <li>▪ Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses</li> <li>▪ Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif</li> </ul>	BVI  BVF  BVA	

iv. <b>Pelajar Program Dual Ijazah yang tamat latihan industri</b>	BHM, BHA	
v. <b>Pelajar Program Diploma</b>	DRS	
vi. <b>Pelajar berkeperluan khas untuk kembali ke kampus</b> (Pelajar yang akan menerima emel rasmi daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa sahaja)		
vii. <b>Pelajar Program Asasi</b>	AST	<b>25 Mac 2022 (Jumaat)</b> (8.30 pagi – 12.00 tengahari)

3. Bagi semua penambahan kemasukan kategori pelajar yang dibenarkan pulang (**perkara 2**), pelajar perlu mengesahkan kehadiran melalui <https://community.ump.edu.my>>**Sistem Pulang Ke Kampus** yang akan **dibuka bermula 14 Februari 2022 (Isnin) hingga 18 Februari 2022 (Jumaat)** bagi tujuan penyelarasan kemasukan ke universiti. Perhatian dan kerjasama daripada para pelajar adalah diharapkan bagi menggunakan peluang ini dengan sebaik mungkin untuk kembali ke Kampus dan kegagalan pelajar untuk mematuhi arahan ini yang boleh menjejaskan perancangan pengajian, prestasi akademik dan tempoh tamat pengajian pelajar adalah menjadi tanggungjawab pelajar sendiri.
4. Kapasiti Residen Pelajar adalah terhad khususnya di Residen Pelajar 5, UMP Pekan. Oleh yang demikian, pelajar yang akan bergraduat pada Semester 1, 2021/2022 dan menjalani Latihan Industri pada Semester II, 2021/2022 **WAJIB** membuat pengosongan bilik **sebelum atau pada 25 Februari 2022** bagi memberi laluan kepada kemasukan pelajar baharu. Penginapan di Residen Pelajar, UMP kepada pelajar yang dipanggil masuk ke kampus bermula Semester II, Sesi 2021/2022 adalah untuk tempoh 1 semester sahaja.
5. Bagi membendung penularan Pandemik COVID-19, pelajar perlu mematuhi peraturan dan merancang proses kembali ke kampus pada tarikh yang telah ditetapkan. **Pelajar dinasihatkan untuk kuarantin sendiri selama 7 hari sebelum tarikh kemasukan dan diwajibkan membuat ujian sendiri COVID-19 dalam tempoh 12 jam sebelum pendaftaran serta menunjukkan bukti sampel ujian semasa proses pendaftaran nanti.** Pelajar juga adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh KKM, MKN dan KPT yang mana pelajar telah lengkap vaksin sahaja dibenarkan kembali ke Kampus.
6. Bagi para pelajar yang memerlukan keterangan lanjut, pelajar boleh menghubungi:
  - i. Bagi urusan residen dan prosedur pulang ke kampus, pelajar boleh menghubungi Bilik Gerakan,UMP di talian 09-431 6999 untuk mendapatkan sebarang khidmat nasihat dan prosedur yang berkaitan.
  - ii. Bagi urusan akademik, pelajar boleh menghubungi pihak Kolej/Fakulti/Pusat masing-masing.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**  
**7 Februari 2022**